

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

| Tajuk Program / Projek                    | Fokus WPA 21   | Objektif            | Keterangan Ringkas Program / Projek   |
|---|--|---------------------|---|
| <b>Unit Perundangan Islam</b>             |  |                     |   |
| 1   | Mentorship Bersama Pakar Perundangan Islam   | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan pendedahan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam mengkaji / mencari sumber rujukan melalui Al-Quran dan hadis serta sumber-sumber <i>secondary</i> yang lain</li> <li>Meningkatkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai kepentingan kaedah undang-undang Islam</li> </ul>  |
| 2   | Bengkel Penggubalan Undang-Undang  | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai prinsip asas penggubalan undang-undang bagi memastikan undang-undang yang digubal adalah teratur</li> <li>Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai kaedah-kaedah penilaian dan pemilihan undang-undang dan sumber rujukan lain yang dijadikan <i>benchmark</i></li> <li>Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tatacara / kaedah penggubalan yang terkini</li> <li>Mempelajari dalam merangka objektif dasar suatu penggubalan undang-undang</li> <li>Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai UPI dalam mengendalikan penyelidikan undang-undang yang berkesan</li> <li>Meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran mengenai prinsip, prosedur dan teknik penterjemahan dan pentafsiran status</li> <li>Menjadikan platform bagi UPI dan Pejabat Peguam Negara untuk berkongsi pengalaman dan saling bertukar fikiran dan maklumat dalam perkara-perkara berkaitan dengan undang-undang</li> </ul> |
| <b>Unit Pembaharuan Perkhidmatan Awam</b> |  |                     |   |
| 3   | Perlaksanaan Program Tahsin Qiraatil Quran Bagi Pegawai Dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama Secara Dalam Talian ( <i>Online</i> ) | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu pegawai-pegawai yang lemah dalam pembacaan Al-Quran</li> <li>Mencari model / kaedah terbaik yang dapat dijadikan <i>benchmark</i> Kementerian / Jabatan dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam</li> <li>Mewujudkan satu tatacara dan kaedah pengajaran dan pembelajaran Al-Quran yang dapat digunapakai dalam mengatasi masalah pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang lemah dalam pembacaan Al-Quran.</li> <li>Pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang lemah dalam pembacaan Al-Quran dapat memperbaiki bacaan Al-Quran dan menyertai Pembudayaan Membaca Al-Quran (PMQ) harian di pejabat masing-masing</li> </ul>  |

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

|                                 | Tajuk Program / Projek  | Fokus WPA 21        | Objektif  | Keterangan Ringkas Program / Projek  |
|---------------------------------|---|---------------------|---|--|
| <b>JABATAN HAL EHWAL MASJID</b> |   |                     |   |  |
| 4                               | Forum: "Jenayah Dibenteras, Keselamatan Terjamin" (Muslimah)  | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendedahan kepada peserta agar peka terhadap taktik jenayah curi dan tipu, agar tidak menjadi mangsa.</li> <li>• Menjelaskan kepada peserta bahawa mereka berperanan membimbing keluarga mereka dari menjadi mangsa tipu.</li> <li>• Memberikan kefahaman bahawa tugas membenteras jenayah adalah peranan semua pihak</li> </ul>                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Forum ini diadakan di Masjid Al Ameerah Al Hajjah Maryam Kg. Jerudong</li> <li>• Peserta forum terdiri daripada muslimah masjid dan pelajar sekolah perempuan seramai 500 orang.</li> <li>• Ahli panel forum ialah daripada KUPUSB dan Polis Di Raja Brunei</li> </ul>  |
| 5                               | Bicara Muslimah: "Membina Keluarga Sakinah, Mawddah Warahmah" | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendedahan kepada muslimah agar peka terhadap peranan mereka dalam mewujudkan keluarga bahagia.</li> <li>• Mengetahui ancaman atau tindakan <i>negative</i> yang menyebabkan krisis rumahtangga dan cara mengatasinya.</li> <li>• Memberikan kefahaman bahawa muslimah berperanan dalam menasihati dan sokongan moral terhadap keluarga</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Forum ini diadakan di Jame 'Asr Hassanil Bolkiah</li> <li>• Peserta nadwah terdiri daripada muslimah masjid 4 daerah seramai 800 orang</li> <li>• Program ini dibuat sempena Sambutan Jubli Perak Jame 'Asr Hassanil Bolkiah</li> </ul>   |
| 6                               | Peraduan Tazkirah Bagi Muslimah Masjid Seluruh Negara         | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendedahan kepada muslimah agar berani tampil dikhalayak umum untuk menyampaikan ilmu</li> <li>• Mendidik muslimah agar berani memberi nasihat kepada keluarga dan teman secara berhemah</li> <li>• Mencungkil bakat dan kebolehan muslimah dalam menyampaikan tazkirah</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraduan ini diadakan sempena sambutan awal tahun Hijrah 1440H</li> <li>• Peraduan ini diadakan di Masjid Kampong Sg.Liang, Masjid Kg.Danau, Masjid Mukim Kilanas dan Masjid Al Ameerah Al Hajjah Maryam Kg. Jerudong</li> <li>• Peraduan ini melibatkan seramai 710 orang muslimah masjid</li> </ul>   |
| 7                               | Info Grafik Intisari Khutbah Jumaat                           | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyebarkan seruan isi kandungan khutbah jumaat dan dua hari raya melalui facebook dan whatsapp</li> <li>• Menjadikan isi kandungan khutbah lebih mudah diingati dan dihayati</li> <li>• Menyebarkan intisari khutbah jumat dalam bahasa melayu dan inggeris</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Info grafik ini mengandungi intisari khutbah jumat, dua khutbah hari raya dan termasuk khutbah gerhana matahari dan bulan</li> <li>• Info grafik ini akan diviralkan selepas khutbah jumat dibacakan, iaitu melalui facebook jabatan hal ehwal masjid dan whatsapp kepada orang ramai dalam bahasa melayu dan inggeris</li> <li>• Projek ini tidak memerlukan peruntukan kewangan yang banyak, mudah dilaksanakan bagi menarik perhatian orang ramai untuk mengingati pesanan khutbah jumat yang telah disampaikan melalui mimbar masjid</li> </ul> |
| 8                               | Muslim Youth Camp   | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai aktiviti tahunan dan mentakmirkan masjid</li> <li>• Mengimarahkan masjid sempena cuti sekolah</li> <li>• Memantapkan jati diri untuk agama, bangsa dan negara</li> <li>• Mendedahkan peserta berkaitan hal ehwal masjid sebagai pengalaman menarik</li> <li>• Mendidik peserta agar bergaul dengan jemaah masjid</li> </ul>                | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ini kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Belia Masjid Hassanal Bolkiah Kg Mentiri</li> <li>• Program ini berjalan selama 3 hari</li> <li>• Program ini dibuat di Masjid Hassanal Bolkiah Kg Mentiri</li> </ul>  |

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

|                                  | <b>Tajuk Program / Projek</b>  | <b>Fokus WPA 21</b> | <b>Objektif</b>   | <b>Keterangan Ringkas Program / Projek</b>   |
|----------------------------------|--|---------------------|---|--|
| 9                                | Perkemahan Belia Dan Beliawanis Masjid Peringkat Senegara  | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan ilmu pengetahuan dunia akhirat</li> <li>• Mengimarahkan masjid sempena cuti sekolah</li> <li>• Memantapkan jati diri untuk agama, bangsa dan negara</li> <li>• Melatih peserta berdikari, berusaha dan bertanggungjawab</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ini melibatkan belia dan beliawanis masjid</li> <li>• Program ini berjalan selama 3 hari 2 malam di masjid stkrj kg lambak kiri</li> <li>• Antara pengisian program ini ialah, solat fardhu berjemaah, tadarus al-quran, ceramah motivasi, qiamullail, membaca ratib al-attas, sukan, kempen kebersihan dan lawatan tempat menarik</li> </ul>   |
| 10                               | Tasawwur Islami "Youth Of Faith"   | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menanamkan rasa tanggungjawab sebagai belia islam kepada peserta</li> <li>• Mengimarahkan masjid sempena cuti sekolah</li> <li>• Menjadi contoh kepada rakan sebaya dikalangan belia</li> <li>• Mendidik cara berfikir agar sentiasa menurut perspektif islam yang sebenar</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ini melibatkan belia dan beliawanis masjid</li> <li>• Program ini berjalan selama 3 hari 2 malam</li> <li>• Program ini dibuat di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik Kg.Katok dan Jame 'Asr Hassanil Bolkih</li> <li>• Antara pengisian program ini ialah, ta'aruf, qudwah, qiyadah, ad dai'e dan al hayat bil Quran</li> </ul>   |
| 11                               | Kursus Fardhu Kifayah Bagi Belia Beliawanis Masjid Peringkat Daerah Brunei Muara Dan Jemaah Masjid   | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan ilmu pengetahuan belia beliawanis tentang pengurusan jenazah</li> <li>• Sebagai satu program mengimarahkan masjid</li> <li>• Menggalakkan belia terlibat menjadi sukarelawan masjid dalam pengurusan jenazah</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ini melibatkan 90 orang belia dan beliawanis masjid</li> <li>• Program ini diadakan di masjid stkrj kg lambak kiri</li> <li>• Antara pengisian program ini ialah, teori dan praktikal pengurusan jenazah</li> </ul>   |
| <b>PUSAT DA'WAH ISLAMIAH</b>     |  |                     |   |  |
| 12                               | Menghalusi Ibadah Sembahyang   | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pendedahan kepada kalangan muallaf tentang cara sembahyang yang betul berdasarkan rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan</li> <li>• Para muallaf dapat melaksanakan semua perbuatan serta bacaan dalam solat dengan betul dan lancar</li> <li>• Memberi pendedahan kepada muallaf tentang cara sembahyang yang sempurna sama ada solat fardhu atau sunat</li> <li>• Menanam sikap tanggungjawab untuk melaksanakan sembahyang fardhu sebagai ibadah wajib dalam kehidupan seharian</li> </ul>   | Program Menghalusi Ibadah Sembahyang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah). Ianya bertujuan memberi bimbingan kepada muallaf tentang cara sembahyang fardhu dan sunat dengan lebih sempurna seperti syarat sah sembahyang, rukun, bacaan-bacaan dalam sembahyang dan lain-lain. Seramai 3 orang fasilitator (2 orang daripada agensi kerajaan dan 1 orang daripada agensi swasta) telah diundang sebagai tenaga pengajar dengan keramaian peserta 53 orang muallaf yang terdiri dari peserta Kelas Bimbingan Muallaf Daerah Brunei Muara . |
| <b>JABATAN HAL EHWAL SYARIAH</b> |  |                     |   |  |
| 13                               | Expo Majlis Ilmu (expo ini merupakan serapan projek jabatan kepada salah satu projek mega sempena Majlis Ilmu. Projek asal yang dicadangkan adalah Expo Halal sempena Pemilihan Bandar Seri Begawan sebagai 'Capital For Islamic Culture For ASEAN Region 2019') | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjadikan acara ini sebagai landasan atau <i>platform</i> kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit Halal untuk mempromosi produk-produk dan perkhidmatan mereka kepada masyarakat Negara Brunei Darussalam.</li> <li>• Memberikan pendedahan kepada orang ramai mengenai produk-produk yang dihasilkan selain menunjukkan kebesaran Allah dalam penghasilan produk makanan berasaskan bahan-bahan semulajadi seperti madu, jus buah, herba, sarang burung dan sebagainya</li> <li>• Menjadikan acara ini sebagai salah satu tarikan bagi pelancong dalam dan luar negara</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Expo ini memfokuskan kepada pameran dan jualan produk makanan dan selain makanan di kalangan syarikat-syarikat dan perusahaan yang sudah mempunyai Sijil Halal atau Permit Halal. Sebanyak 10 syarikat pengusaha mengikuti pameran dan jualan expo tersebut</li> </ul>  |

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

|                            | Tajuk Program / Projek                                  | Fokus WPA 21        | Objektif   | Keterangan Ringkas Program / Projek  |
|----------------------------|---|---------------------|--|--|
| <b>JABATAN URUSAN HAJI</b> |   |                     |  |  |
| 14                         | Rancangan Televisyen Soal Jawab Ibadat Haji 1440H/2019M | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyebarkan syiar Islam berhubung ibadat haji kepada masyarakat dan orang ramai</li> <li>• Mengukuhkan dan memperlengkapkan ilmu manasik haji dikalangan bakal jemaah haji sebelum bertolak ke tanah suci</li> <li>• Memperjelaskan mengenai permasalahan dan hukum hakam yang sering ditimbulkan oleh bakal jemaah haji</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam usaha membantu dan meningkatkan kefahaman berhubung ilmu manasik haji kepada bakal jemaah haji khasnya dan orang ramai amnya, Jabatan Urusan Haji dengan kerjasama Jabatan Radio dan Televisyen Brunei telah menerbitkan satu program TV yang berkonsepkan lakonan pendek dan diselitkan dengan tayangan video dan gambar-gambar yang bersesuaian dengan manasik haji. Tajuk yang dipilih dalam lakonan ini diselaraskan berdasarkan kurikulum kursus Ibadat Haji. Program ini menggunakan khidmat 2 orang penceramah dan 2 orang pengaju soalan iaitu seorang penceramah lelaki dan seorang pengaju soalan lelaki menyampaikan 5 episod dan seorang penceramah wanita dan seorang pengaju soalan menyampaikan 5 episod dengan durasi tidak melebihi 15 minit disetiap episod. Rakaman bagi program ini telah diadakan di tempat-tempat berikut:-             <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bangunan Jabatan Urusan Haji</li> <li>2. Kedai Triple Start Enterprise</li> <li>3. Rimba Garden Central</li> <li>4. Kedai Guan Chuan &amp; Sons Company</li> <li>5. Taman Peranginan Tasek Lama</li> <li>6. Masjid Omar Ali Saifuddin</li> <li>7. Khadejaah Butik</li> <li>8. Taman Riadah Menteri Besar</li> </ol> </li> <li>• Alhamdulillah program ini telah bersiaran di Rangkaian Perdana dan Sukmaindera Radio Televisyen Brunei dengan maksud supaya dapat ditonton oleh bakal jemaah haji sebelum bertolak ke Tanah suci. Dalam usaha untuk menyebarluaskan program ini agar tidak hanya dapat ditonton secara bermusim iaitu pada musim haji, Jabatan ini telah berkolaborasi dengan Bahagian Teknologi Maklumat untuk memuatnaik ke laman YouTube dan laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebagai usaha meluaskan lagi pemberitaan, program ini juga boleh ditonton di Penerbangan DiRaja Brunei (RB).</li> </ul> |

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

|                                | <b>Tajuk Program / Projek</b>   | <b>Fokus WPA 21</b> | <b>Objektif</b>   | <b>Keterangan Ringkas Program / Projek</b>  |
|--------------------------------|---|---------------------|---|---|
| 15                             | Proses Penambahan ( <i>added value</i> ) isi kandungan Kursus Asas Haji (KAH) 1441H/2020M Kali ke-2 | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyebarkan ilmu manasik haji dan memberi kesedaran tentang kefardhuan ibadat haji kepada orang yang berkemampuan dan tuntutan</li> <li>• Menggalakkan orang ramai untuk menanam azam dan mula menabung untuk tujuan menunaikan ibadat haji</li> <li>• Membantu orang ramai mempersiapkan diri dari aspek fizikal, mental, spiritual dan material</li> <li>• Sebagai langkah awal mempersiapkan Jemaah dalam senarai menunggu yang terpilih disaat-saat akhir</li> <li>• Secara tidak langsung dapat mengimarahkan masjid</li> </ul>   | Jabatan Urusan Haji melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah berusaha mengemaskini dan menyelaras isi kandungan KAH dengan menyediakan <i>Powerpoint</i> KAH bagi mensejajarkan kandungan pengajaran yang disampaikan disetiap sesi kursus dan seterusnya memastikan kandungan kursus dapat disampaikan dengan efisien dan efektif dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam pada itu, Jabatan ini akan memuat naik <i>powerpoint</i> isi kandungan ini ke laman sesawang Kementerian dan menyediakan nota KAH bagi memudahkan peserta kursus dan orang ramai melayari, merujuk dan mengulangkaji. |
| <b>JABATAN PENGAJIAN ISLAM</b> |   |                     |   |   |
| 16                             | Pusat Murid-Murid Berkeperluan Khas   | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantapkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas agama dengan memberikan latihan perkembangan profesionalisme kepada guru-guru pendidikan khas</li> <li>• Meningkatkan dan melengkapkan akses dan fasiliti serta keperluan peralatan pengajaran dan pembelajaran berkeperluan khas</li> <li>• Mengoptimumkan sumber-sumber yang sedia ada sama ada tenaga pengajar pendidikan khas agama maupun peralatan-peralatan pengajaran dan pembelajaran</li> </ul>  | <p>Sebanyak lebih 80 buah sekolah telah terpilih menjadi Pusat Pembelajaran dan Pengajaran di setiap daerah;</p> <p>Brunei Muara - 47 pusat<br/>Belait - 12 pusat<br/>Tutong - 16 pusat<br/>Temburong - 12 pusat</p>  |
| 17                             | Pembinaan dan Penaiktarafan Bangunan Sekolah-Sekolah Arab dan UGAMA                                 | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memenuhi keperluan pendidikan UGAMA dan Arab dengan pembinaan bangunan serta kemudahan yang mencukupi disamping mewujudkan infrastruktur yang holistik dan juga prasarana yang mencukupi / kondusif</li> <li>• Meningkatkan imej pendidikan UGAMA dan Arab dengan pembinaan bangunan baru sebagai mercu kegemilangan pendidikan Islam di Negara ini</li> <li>• Menampung keramaian pelajar-pelajar bagi persekolahan UGAMA dan Arab</li> <li>• Membantu dan merealisasikan pelaksanaan persekolahan UGAMA sesi bagi memudahkan menghantar dan mengambil murid sekolah UGAMA dan tidak menjejaskan waktu bertugas ibu bapa / penjaga</li> <li>• Menempatkan jumlah keramaian pelajar yang ideal dalam sebuah bilik darjah bagi keberkesanan dan keselesaan pengajaran dan pembelajaran</li> </ul> | Pembangunan / penaiktarafan bangunan sekolah dibawah Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN10).  |

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

|    | Tajuk Program / Projek                                   | Fokus WPA 21        | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek  |
|----|--|---------------------|----------|--|
| 18 | Projek Penubuhan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Inklusif | Pelakuan Organisasi | -        | <p>Penubuhan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Inklusif adalah bertujuan untuk menempatkan murid-murid yang mempunyai masalah kognitif yang tinggi. Pada peringkat permulaan, projek ini dilaksanakan di Daerah Temburong yang berpusat di 2 buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Rataie dan Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar dan sesi pembelajaran bermula pada 7:30 pagi hingga 12:30 tengahari.</p> <p>Kementerian Ha Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam telah memberi kerjasama dalam perkara-perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penglibatan guru-guru pendidikan khas ugama dalam pembangunan profesional melalui bengkel, kursus dan seminar</li> <li>• Perkongsian maklumat dan data pelajar</li> <li>• Perkongsian sumber pengajaran dan pembelajaran seperti buku teks dan alat bantu mengajar</li> </ul> |